

1955
Bank Dunia menerbitkan laporan yang mengesyorkan penubuhan sebuah Bank Pusat di Tanah Melayu
World Bank publishes a report recommending the establishment of a Central Bank in Malaya

1956
Penerbitan Laporan Penubuhan Bank Pusat di Tanah Melayu, iaitu Laporan Watson-Caine
The Report on the Establishment of a Central Bank in Malaya, Watson-Caine Report is released

1957
Persekutuan Tanah Melayu mencapai kemerdekaan pada 31 Ogos
Federation of Malaya achieves independence on 31 August

1955

1959 - 1980 Membina Sebuah Asas Installing the Footings

1959
Bank Negara Tanah Melayu dibuka pada 26 Januari
Bank Negara Tanah Melayu is opened for business on 26 January

Rumah penjelasan bagi penyelesaian cek memulakan operasi di Kuala Lumpur
Clearing house for settlement of cheques begins operations in Kuala Lumpur

1960
Penubuhan Malayan Stock Exchange (Bursa Saham Tanah Melayu) pada bulan Mac
Malayan Stock Exchange is set up in March

1962
Rumah penjelasan bagi penyelesaian cek ditubuhkan di Pulau Pinang
Clearing house for settlement of cheques is established in Penang

1963
Pembentukan Malaysia (terdiri daripada Tanah Melayu, Sabah, Sarawak dan Singapura) pada 16 September
Formation of Malaysia (comprising Malaya, Sabah, Sarawak and Singapore) on 16 September

Nama Bank Negara Tanah Melayu ditukar kepada Bank Negara Malaysia
Bank Negara Tanah Melayu changes its name to Bank Negara Malaysia

Bank Negara to be Malaysia's currency issuing authority


27 MAR 1967
KUALA LUMPUR, Tuesday.
BANK NEGARA will replace the Currency Board as currency issuing authority for Malaysia, the Minister of Finance, Mr. Tan Siew Sin, said here today.

1967
Bank Negara Malaysia menggantikan Lembaga Matawang sebagai pihak berkuasa tunggal yang mengeluarkan mata wang di Malaysia
Bank Negara Malaysia replaces the Currency Board as the sole currency issuing authority in Malaysia

1967
Bank Negara Malaysia mula mengeluarkan dolar Malaysia baharu pada 12 Jun
Bank Negara Malaysia starts to issue the new Malaysian dollar on 12 June

1969
Syarikat kewangan ditempatkan di bawah penyeliaan Bank Negara Malaysia
Finance companies come under the supervision of Bank Negara Malaysia

Bank Pertanian Malaysia ditubuhkan untuk menggalakkan pembangunan bidang pertanian
Bank Pertanian Malaysia is established to promote agriculture development



1970
Penubuhan bank saudagar pertama
The first merchant bank is established

1971
Pembukaan ibu pejabat baharu pada bulan Mei
The opening of the new headquarters in May

1973
Penamatan pengaturan kesalingbolehtukaran mata wang dengan Singapura dan Brunei
Currency interchangeability arrangements with Singapore and Brunei are terminated

Pengapungan Dolar Malaysia
The Malaysian dollar is floated

1974
Bank Simpanan Nasional mengambil alih tanggungjawab Bank Simpanan Pejabat Pos
Bank Simpanan Nasional (National Savings Bank) takes over from the Post Office Savings Bank

1980 - 1994 Memperkasakan Dasar Strengthening the Bedrock

1982
Pusat Penyelidikan dan Latihan Bank-bank Pusat Asia Tenggara (SEACEN) dibuka pada bulan Januari
The South East Asian Central Banks Research and Training Centre is opened in January

1983
Akta Bank Islam 1983 dikuatkuasakan pada bulan Mac. Susulan itu, bank Islam yang pertama, iaitu Bank Islam Malaysia Bhd, ditubuhkan
The Islamic Banking Act 1983 comes into force in March. Following this, the first Islamic bank, Bank Islam Malaysia Bhd is established

1984
Rumah Penjelasan Automatik Kuala Lumpur beroperasi sepenuhnya untuk mengautomatiskan data dan menggerakkan penjelasan jumlah cek dalam edaran yang semakin banyak, terutamanya di Kuala Lumpur dan Petaling Jaya
The Kuala Lumpur Automated Clearing House becomes fully operational to automate and expedite the clearing of the rising volume of cheques in circulation, particularly in Kuala Lumpur and Petaling Jaya

1987
Cagamas Bhd., iaitu perbadanan gadaai janji nasional, mula beroperasi pada bulan Oktober
Cagamas Bhd., the national mortgage corporation, starts operations in October

Penubuhan pejabat perwakilan Bank Negara Malaysia di New York pada bulan Oktober
Establishment of Bank Negara Malaysia's New York representative office in October

1988
Tanggungjawab menyelia industri insurans dipindahkan kepada Bank Negara Malaysia
Responsibility for the supervision of the insurance industry is transferred to Bank Negara Malaysia

1989
Enakmen Akta Bank dan Institusi-institusi Kewangan 1989
Enactment of the Banking and Financial Institutions Act 1989

Bank Negara Malaysia menubuhkan pejabat perwakilan di London
Bank Negara Malaysia sets up its London representative office

1990
Pelaksanaan sistem penyelesaian sekuriti berkomputer SPEEDS
SPEEDS computerised securities settlement system is implemented

Penubuhan Rating Agency Malaysia Bhd
Rating Agency Malaysia Bhd is established

Penubuhan Pusat Kewangan Luar Pesisir Antarabangsa Labuan
Labuan International Offshore Financial Centre is established

1993
Bank Negara Malaysia mengeluarkan bon simpanan terdiskaun, yang dikenali sebagai Bon Simpanan Malaysia, kepada orang ramai pada bulan Februari
Bank Negara Malaysia issues discounted savings bonds, known as Bon Simpanan Malaysia or Malaysia Savings Bonds, to the public in February

Pelancaran Skim Perbankan Islam pada bulan Mac
Islamic Banking Scheme is launched in March

1994 - 2000 Pembaharuan: Masa yang Tepat! Renovations Afoot!

1997
Pelaksanaan sistem penjelasan cek berasaskan imej, dikenali sebagai SPICK, oleh Bank Negara Malaysia pada bulan November
The image-based cheque clearing system, known as SPICK, is implemented by Bank Negara Malaysia in November

Penubuhan Majlis Penasihat Syariah Kebangsaan pada bulan Mei
The National Syariah Advisory Council is set up in May

Penubuhan Malaysian Electronic Payment System Sdn. Bhd., sebuah konsortium pembayaran milik bank-bank domestik, pada bulan Mac
Malaysian Electronic Payment Sdn Bhd. (MEPS) a payment consortium owned by domestic banks, is set up in March

1998
Krisis kewangan Asia memberikan kesan kepada ekonomi Malaysia. Majlis Tindakan Ekonomi Negara diwujudkan pada bulan Januari dan kemudiannya pada tahun yang sama, Pelan Pemulihan Ekonomi Negara dirumuskan
The Asian financial crisis affects Malaysia's economy. The National Economic Action Council is established in January and later in the year, the National Economic Recovery Plan is formulated

Kawalan modal terpilih diperkenalkan pada bulan September
Selective capital controls are introduced in September

Penubuhan sebuah syarikat pengurusan aset, iaitu Pengurusan Danaharta Nasional Bhd., dan agensi pemodalan semula khusus, iaitu Danamodal Nasional Bhd, serta saluran untuk memudahkan penstrukturan semula hutang korporat, iaitu Jawatankuasa Penstrukturan Semula Hutang Korporat
An asset management company, Pengurusan Danaharta Nasional Bhd; a special recapitalisation agency, Danamodal Nasional Bhd; and an avenue to facilitate the restructuring of corporate debts, the Corporate Debt Restructuring Committee, are established

1999
Penggunaan wang kertas denominasi RM500 dan RM1,000 dimansuhkan pada bulan Julai
RM500 and RM1,000 denomination currency notes are demonetised in July

2000
Pelancaran Inisiatif Chiang Mai, yang menyasarkan penubuhan rangkaian Pengaturan Swap Dua Hala dalam kalangan negara-negara ASEAN+3, pada bulan Mei
The Chiang Mai Initiative, which aims to create a network of Bilateral Swap Arrangements among ASEAN+3 countries, is launched in May

Proses penyatuan sektor perbankan menghasilkan 10 kumpulan perbankan utama yang akan bersaing dengan bank asing yang diperbadankan di Malaysia
The banking consolidation process results in 10 core banking groups that would compete with the locally incorporated foreign banks

2000 - kini / present Berdiri Lebih Teguh, Jangkau Lebih Jauh Building Up and Out

2001
Bank Negara Malaysia melancarkan Pelan Induk Sektor Kewangan pada bulan Mac
Bank Negara Malaysia launches the Financial Sector Masterplan in March

Pelancaran Sistem Maklumat Rujukan Kredit Pusat (CCRIS), iaitu pangkalan data berkomputer tentang peminjam, pada bulan Oktober
The Central Credit Reference Information System (CCRIS), a computerised database of borrowers, is launched in October

2002
Penubuhan Lembaga Perkhidmatan Kewangan Islam (IFSB) pada bulan November
The Islamic Financial Services Board (IFSB) is established in November

2003
Penubuhan Pusat Kepimpinan Kewangan Antarabangsa (ICLI) pada bulan Mac
The International Centre for Leadership in Finance (ICLI) is established in March

Peralihan kepada kad ATM berasaskan cip oleh bank-bank domestik untuk mempertingkatkan ciri-ciri keselamatan kad pada bulan September
Migration to chip-based ATM cards by domestic banks to enhance the cards' security features is completed in September

2004
Pengenalan rangka kerja kadar faedah baharu dengan Kadar Dasar Semalaman sebagai kadar rujukan dalam menentukan kadar pasaran yang lain
Introduction of the new interest rate framework with the Overnight Policy Rate as the reference rate in determining other market rates

Penubuhan Majlis Pembangunan Perusahaan Kecil dan Sederhana Kebangsaan pada 13 Ogos
The National Small and Medium Enterprise Development Council is set up on 13 August

2005
Pelancaran Biro Pengantaraan Wang pada bulan Januari
The Financial Mediation Bureau is launched in January

LINK Bank Negara Malaysia dilancarkan pada bulan Februari
Bank Negara Malaysia launches LINK in February

Malaysia menerima pakai apungan terurus bagi kadar pertukaran ringgit Malaysia adopts a managed float for the ringgit exchange rate

Sistem insurans deposit diperkenalkan
The deposit insurance system is introduced

2006
Pelancaran Pusat Pendidikan Kewangan Islam Antarabangsa (INCEIF) oleh Perdana Menteri
The International Centre for Education in Islamic Finance (INCEIF) is launched by the Prime Minister

Pelancaran Pusat Kewangan Islam Malaysia (MIFC)
The Malaysia Islamic Finance Centre (MIFC) is launched

Penubuhan Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK)
Credit Counselling and Debt Management Agency or AKPK is set up

2007
Pelancaran Pusat perhubungan BNMTELELINK, iaitu 1-300-88-LINK, oleh Gabenor
BNMTELELINK contact centre 1-300-88-LINK is launched by Governor

Program Meningkatkan Tenaga Mahir dalam Sektor Kewangan (FSTEP) diwujudkan
The Financial Sector Talent Enrichment Programme (FSTEP) is established

2008
Pelancaran identiti baharu bagi Pusat Perancangan dan Kewangan Antarabangsa Labuan
Launch of the new identity for the Labuan International Business and Financial Centre

Penubuhan Akademi Penyelidikan Syariah Antarabangsa (ISRA) bagi Kewangan Islam pada bulan Mac
The International Shariah Research Academy (ISRA) for Islamic Finance is established in March

50th Anniversary of Bank Negara Malaysia

2009
Memperingati ulang tahun ke-50 Bank Negara Malaysia
Commemorating Bank Negara Malaysia's 50th anniversary

UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta 701
AKTA BANK NEGARA MALAYSIA 2009

2009
Penguatkuasaan Akta Bank Negara Malaysia 2009 pada bulan November
The Central Bank of Malaysia Act 2009 comes into force in November

2009
Ulangtahun ke-50 Bank Negara Malaysia
50th anniversary of Bank Negara Malaysia

Penubuhan Danajamin Nasional Berhad
Danajamin Nasional Berhad is established

Akta Bank Negara Malaysia 2009 dikuatkuasakan pada bulan November
The Central Bank of Malaysia Act 2009 is enacted in November

2011
Sasana Kijang dirasmikan pada 14 September
Sasana Kijang officiated on 14 September

Penguatkuasaan Akta Perniagaan Perkhidmatan Wang 2011 pada 1 Disember
The new Money Services Business Act 2011 come into force on 1 December

Pelancaran MobileLINK, iaitu inisiatif khidmat pelanggan mudah alih, pada 9 Disember
MobileLINK, a mobile customer service initiative is launched on 9 December

Pelancaran Pelan Sektor Kewangan (2011-2020) pada 21 Disember
The new Financial Sector Blueprint (2011-2020) is launched on 21 December

2012
Siri baharu duit syiling Malaysia diperkenalkan dalam edaran secara berperingkat mulai 16 Januari
The new Malaysian coins series is issued into circulation in phases from 16 January

Siri baharu wang kertas Malaysia berada dalam edaran pada 16 Julai
The new Malaysian banknotes series comes into circulation on 16 July

2013
Penguatkuasaan Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 (FSA) dan Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 (IFSA) pada 30 Jun
The new Financial Services Act 2013 (FSA) and Islamic Financial Services Act 2013 (IFSA) come into force on 30 June

Penubuhan pejabat perwakilan Bank Negara Malaysia yang ketiga di Beijing pada 18 November
Bank Negara Malaysia sets up its third representative office in Beijing on 18 November

2014
Devan Negara meluluskan Rang Undang-undang Pencegahan Pengubahan Wang Haram dan Pencegahan Pembiayaan Keganasan (Pindaan) 2013 (AMLAFTA) pada 30 Jun
Devan Negara passes the Anti-Money Laundering and Anti-Terrorism (Amendment) Bill 2013 (AMLATFA) on 30 June

Penubuhan Majlis Tenaga Mahir Perkhidmatan Kewangan pada 3 Julai
The Financial Services Talent Council is established on 3 July

Pengumuman ibu pejabat tetap Alliance for Financial Inclusion (AFI) bertempat di Sasana Kijang pada 10 September
Announcement of the permanent headquarters of Alliance for Financial Inclusion (AFI) at Sasana Kijang on 10 September

2015
Dua ahli luar menyertai Jawatankuasa Dasar Monetari Bank Negara Malaysia pada 11 Mac
Two external members join Bank Negara Malaysia's Monetary Policy Committee on 11 March

Kadar Asas (BR) menggantikan Kadar Pinjaman Asas (BLR) sebagai kadar rujukan untuk pinjaman kadar terapan dan kemudahan pembiayaan runcit
The Base Rate (BR) replaced Based Lending Rate (BLR) as the reference rate for retail floating rate loans and financing facilities

2016
Pembukaan Automated Cash Centre (ACC) pada 21 April
The Automated Cash Centre (ACC) is opened on 21 April

Penubuhan Kumpulan Penggerak Teknologi Kewangan (FTEG) pada 2 Jun
Establishment of Financial Technology Enabler Group (FTEG) on 2 June

Ombudsman Perkhidmatan Kewangan (OFS) memulakan operasi pada 1 Oktober
Ombudsman for Financial Services (OFS) commences operations on 1 October

2018
Hab Inovasi Kewangan Digital dan Program Pencepat Fintech Inklusif dilancarkan pada 26 September
Launch of the Digital Finance Innovation Hub and Inclusive Fintech Accelerator on 26 September

2019

60 YEARS OF CENTRAL BANKING

2019
Memperingati ulang tahun ke-60 Bank Negara Malaysia
Commemorating Bank Negara Malaysia's 60th anniversary

2019
Ulangtahun ke-60 Bank Negara Malaysia
60th anniversary of Bank Negara Malaysia

Khidmat Nasihat Pembiayaan (MyKNP) ditubuhkan pada 21 Ogos yang menyediakan perkhidmatan nasihat kewangan
Establishment of Khidmat Nasihat Pembiayaan to provide advisory on financing on 21 August

Bank Negara Malaysia melancarkan Dana Rumah Mampu Milik RM1 bilion
The Bank introduced the RM1 billion Fund for Affordable Homes